

PENGUATAN KEPERIBADIAN ANGGOTA ANGKATAN TENTARA MALAYSIA MELALUI PROGRAM PENDIDIKAN ISLAM FIQIH IBADAH

Burhanuddin Jalal

(Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Email: burhanuddin@upnm.edu.my)

Abstract: *The stability and strength of a military organization is generally based on three main aspects: the strength of firepower, the ability of mobility, and the strength of the fighting spirit among its personnel. To enhance the strength of fighting spirit among members of the Malaysian Armed Forces, the Malaysian Armed Forces Religious Corps (Kor Agama Angkatan Tentara – KAGAT) has been tasked to achieve this via Islamic Education approach. One of the modules implemented by KAGAT for this purpose is using Fardu Ain Education Module (Modul Pendidikan Islam Fardu Ain – PIFA). This paper discusses the development and implementation of the PIFA module from the history of execution until it becomes a compulsory requirement for the promotion process and career path especially among members of different ranks in the Malaysian Armed Forces. This paper employs the qualitative design methods where historical review and analysis of available documents are carried out. The findings indicate that Islamic education in the Malaysian Armed Forces that started since the establishment of KAGAT in 1985, has undergone several improvement processes until the PIFA module was received as a module that must be attended by members of different ranks. It was found that this module has had important implications in strengthening and appreciation of Islam among the personnel of the Malaysian Armed Forces.*

Keyword: *Internalization, Islamic dacwah, army spiritual*

Abstrak: Korps Agama Angkatan Tentara Malaysia berperanan untuk membangun serta memperkuat keperibadian dan juga penghayatan Islam dalam kalangan anggotanya melalui aspek pendidikan Islam secara spiritual dan mental agar mempunyai daya tempur yang kuat bagi mempertahankan agama, bangsa dan negara. Makalah ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah peranan program pendidikan Islam dalam Angkatan Tentara Malaysia dalam membangun akhlak dan etika, serta bagaimana penghayatan Islam dalam kalangan anggota Angkatan Tentara Malaysia berjaya dan berkesan. Kajian perpustakaan, wawancara dan observasi telah digunakan untuk memperoleh data berkaitan dengan pembinaan keperibadian dan etika anggota Angkatan Tentara Malaysia. Pada umumnya usaha-usaha Kor Agama Angkatan Tentara Malaysia (KAGAT) untuk membangun akhlak, etika dan juga penghayatan Islam dalam kalangan anggota Angkatan Tentara Malaysia telah memberikan pengaruh yang positif terhadap kemajuan dan keunggulan organisasi Angkatan Tentara Malaysia secara keseluruhan.

Katakunci: Penghayatan, dakwah Islam, kerohanian Tentara.

Pendahuluan

Pendidikan Islam dan Fardu Ain merupakan ilmu yang sangat penting bagi ummat Islam. Ilmu ini mampu memberi kesadaran kepada ummat Islam agar kembali berpegang teguh kepada syariat Islam yang benar. Program pendidikan Islam fardu 'ain atau yang lebih dikenal dengan fiqih ibadah merupakan salah satu elemen pendidikan dalam pembangunan Modal Insan di Angkatan Tentara Malaysia (ATM). Tugas memberikan pendidikan Islam ke-Tentaraan dalam konteks Angkatan Tentara Malaysia dilaksanakan oleh Kor Agama Angkatan Tentara Malaysia atau KAGAT.

Pembangunan modal insan ini merujuk kepada individu yang berilmu, berkeyakinan, berkemahiran, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan-santun, berdisiplin, inovatif dan kreatif. Golongan inilah yang akan menentukan arah tujuan ATM di masa depan dan dasar kepada pertahanan negara yang menyeluruh. Hal ini sesuai dengan apa yang dinyatakan oleh Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Mantan Menteri Pertahanan Malaysia pernah menyatakan, "*Tanpa modal insan serta bersemangat waja, belum tentu organisasi besar seperti ATM dapat mengekalkan keselamatan dan kedaulatan negara hingga mendapat pengakuan internasional. Sebagai pasukan beruniform sudah pasti rakyat melihat ATM sebagai sebuah organisasi yang mempunyai warga berkualitas, berdisiplin, berketerampilan, berkemahiran dan berpengetahuan tinggi*" (Amir Sarifudin 2009).

Jenderal Tan Sri Abdul Aziz Zainal Panglima Angkatan Tentara Malaysia yang ke-14 dalam bukunya *Marksman: The Target for the Malaysian Army* menyebut: "*Nilai agama akan membentuk prinsip agama, moral positif dan komitmen terhadap harga diri insan. Ia menyuburkan rohani seseorang dan mencegah mereka dari melakukan kejahatan secara menyeluruh. Nilai ini perlu dipupuk secara berkesinambungan untuk mengekalkan tingkah laku yang terbaik dalam diri seseorang*" (Abdul Aziz: 2008).

Bagi memastikan anggota Tentara menjadi aset dan memiliki modal insan yang berwibawa kepada ATM satu Modul Kursus Pendidikan Islam dan Fardu Ain (PIFA) telah diperkenalkan bagi memastikan tidak terjadi ketertinggalan pengetahuan dan pendidikan Islam kepada anggota Tentara serta mampu memahami konsep ilmu Fardu Ain dengan sempurna. Menurut Brigedier Jenderal Dato' Hj Mustafa Abd Manap, Pengarah Kor Agama Angkatan Tentara yang ke-4, modul ini disediakan bertujuan untuk memastikan anggota Tentara mengetahui dengan jelas syariat Islam berdasarkan kepada ilmu teras pendidikan Islam. Penghayatan terhadap ilmu ini di kalangan anggota Tentara mampu menjadi benteng pertahanan diri untuk menempuh kehidupan yang penuh dengan perbagai tantangan. Tanpa ilmu Fardu Ain, ummat Islam terutamanya anggota Tentara akan hilang arah di dalam kehidupannya dan akan mengundang kemurkaan Allah SWT (KAGAT 2008).

Latar Belakang Pendidikan Islam Dalam Angkatan Tentara Malaysia (ATM)

Pendidikan agama Islam mula diperkenalkan dalam ATM sejak tahun 1933M. Kira-kira enam bulan setelah pendirian Rejimen Askar Melayu. Peranannya pada tingkat awal sangat terbatas hanya sebagai pembimbing kepada hal ehwal ibadah harian khusus saja seperti terlibat dengan pengurusan kematian, bacaan surah Yasin dan tahlil serta doa selamat (Nadzri et al. 2005).

Peranan memberi pendidikan agama Islam kepada anggota Tentara dilaksanakan oleh Guru Agama Awam di era penjajahan Inggriz sehinggalah KAGAT didirikan dengan resmi pada tanggal 16 April 1986. Walaupun pada peringkat awalnya pihak penjajah Inggriz amat berhati-hati dalam memenuhi kehendak dan sentimen keagamaan ini. Setelah desakan yang kuat akhirnya pihak Inggriz bersetuju membolehkan pengajaran agama Islam dilaksanakan setelah tamatnya latihan anak-anak melayu dalam bidang ke-Tentaraan (Abd. Rahim 1997). Menurut Abd Rahim (1997) pemberian izin tentara Inggriz mewujudkan Jawatan agama dan melaksanakan pengajaran pendidikan Islam dalam perkhidmatan tentara Melayu bukan berarti pihak penjajah memberikan fungsi keagamaan menentukan arah profesi ketentaraan anak watan. Keizinan itu hanya sekadar memenuhi permintaan anak Negerti Melayu yang beragama Islam dengan membatasi fungsi agama di dalam ruang lingkup yang tidak menentang sistem penjajah. Program keagamaan diizinkan dalam skop yang terbatas kepada

aktivitas yang bersifat ibadah khusus saja. Biasanya program agama itu tidak diformalkan di dalam aktivitas pasukan sehingga boleh menampilkan fungsi yang sebenarnya. Aktivitas ini hanya berperan sewaktu di surau saja dan akan hilang bila anggota tentara berada di luar dari kawasannya. Pemilahan fungsi keagamaan dengan kehidupan ketentaraan telah meletakkan dua perkara tersebut di dalam daerah atau arah yang berlainan dan mempunyai jurang yang luas. Keadaan ini menurut Abd Rahim lagi merupakan harapan dan hasrat serta rancangan penjajah bagi hasrat memperlambat proses kemerdekaan.

Tujuan utama Sukatan Pendidikan Islam ATM ini diwujudkan adalah sebagai panduan dalam proses pembelajaran bagi melahirkan anggota tentara yang berilmu dan beriman kepada Allah SWT melalui pemahaman, penghayatan, keselarasan dan pengenalan ajaran Islam yang akan membentuk anggota Tentara yang bertaqwa. Pemahaman kepada ajaran Islam juga akan membawa kepada anggota yang sanggup berkorban mempertahankan agama, bangsa dan negara (Arahan Pentadbiran KAGAT No. 5 1990).

Mengikut Arahan Pentadbiran No. 5 (1990) tujuan utama pembentukan Sukatan Pendidikan Islam ATM adalah seperti berikut:

- Membentuk fahaman aqidah yang baik berlandaskan hakikat ketuhanan yang sebenarnya.
- Menolak fahaman-fahaman yang tidak bertuhan, fahaman syirik dan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan fikrah Islamiah yang sebenarnya.
- Memberi pemahaman kepada anggota-anggota Tentara dalam melaksanakan ibadat harian.
- Menghindarkan gejala-gejala keruntuhan rumahtangga seterusnya membentuk kesejahteraan berkeluarga.
- Membimbing anggota agar sentiasa jujur, dedikasi dan ikhlas dalam melaksanakan tugas harian.
- Membentuk satu kekuatan diri jiwa para anggota dalam mengawal diri dari godaan nafsu/syaitan serta berusaha membersihkan diri dari segala bentuk dosa.

- Menimbulkan minat di kalangan anggota untuk membaca al-Quran, memperbaiki mutu bacaan dan seterusnya memahami dan menghayati isi kandungan al-Quran.
- Membangkitkan semangat perjuangan suci berlandaskan al-Quran dan Sunnah serta berlatar belakangkan sejarah perjuangan Rasulullah SAW serta para sahabat dan pejuang-pejuang Islam.
- Melahirkan anggota Tentara yang mampu mengamalkan ajaran Islam di samping menjauhkan diri dari terjerumus ke dalam jenayah yang ditegah oleh Islam.

Pelajaran Pendidikan Islam yang disediakan melalui Sukatan Pendidikan Islam ATM merangkumi tajuk-tajuk yang bersesuaian dan mudah difahami, dihayati dan diamalkan oleh setiap anggota Tentara. Ringkasan pelajaran yang telah dikeluarkan adalah seperti berikut:

- Pengajian Aqidah. Pelajaran ini membicarakan hal-hal kejadian manusia dan tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT serta konsep keimanan. Perbincangan mengenai rukun iman, soal syurga dan neraka dan pembinaan sikap serta sahsiah berdasarkan keimanan kepada Allah SWT.
- Pengajian Syariah. Pengajian merangkumi *fiqh ibadah* seperti bersuci, sembahyang, puasa, zakat, haji, korban/aqiqah dan penyembelihan, *fiqh muamalat* seperti urusan jual beli, berhutang, pinjam meminjam dan jual saham. Manakala *fiqh munakahat* merangkumi hal-hal perkahwinan dan kekeluargaan dan juga *fiqh jenayah* merangkumi hudud, qisas, takzir dan murtad.
- Pengajian Akhlak. Merangkumi soal hubungan antara manusia dengan manusia dalam aspek kejiranan, taat kepada ayah ibu, patuh kepada pemerintah dan bersikap amanah dan jujur. Membicarakan hal-hal hubungan antara manusia dengan Allah meliputi konsep ubudiah. Seterusnya membicarakan sifat-sifat kesempurnaan diri yang menyentuh sifat terpuji dan tercela, konsep ihsan, ikhlak, tawaduk dan sifat-sifat positif yang perlu dimiliki oleh anggota Tentara.
- Pengajian al-Quran dan Hadis. Mengandungi aspek persediaan dan panduan membaca al-Quran, pentafsiran ayat-ayat al-Quran dan hadis serta menghuraikan hukum-hukum tajwid.

- Pengajian Pengukuhan. Membekalkan maklumat dan memberi bimbingan yang sewajarnya bagi membolehkan anggota Tentara mengenali dan menghayati ajaran Islam dengan sepatutnya. Ia menyentuh sistem dan konsep yang mempunyai kaitan dengan pengajian al-Quran, akidah, syariah sebagai unsur pengukuhan bagi meningkatkan pemahaman dan kemahiran dalam pendidikan Islam.

Bagi mendukung kepada pelaksanaan pendidikan Islam ATM, satu perundangan perlu dibuat. Oleh yang demikian pada tahun 1991, Perintah Majelis Angkatan Tentara Bilangan 9 Tahun 1991M (PMAT 9/91) telah diwujudkan. PMAT 9/91 telah memperkenalkan suatu dasar baru iaitu Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam dalam Angkatan Tentara Malaysia. Melalui dasar ini yang telah diberitakan ianya telah menjadi sumber kuasa dan arahan dukungan kepada pelaksanaan pendidikan Islam dalam ATM.

Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam dalam Angkatan Tentara Malaysia mempunyai dua bentuk pembinaan yang dibentangkan dalam memberi latihan ketahanan fisik, mental dan spiritual. Bentuk pembinaan tersebut adalah sebagai berikut.

- Ketahanan mental, melalui pengisian ilmu pengetahuan Islam yang mencakupi ilmu-ilmu fiqh ibadah dan ilmu-ilmu fiqh muamalah.
- Ketahanan spritual latihan dan penghayatan amal Islam yang benar dan tepat.

Melalui program ketahanan mental, setiap anggota Islam yang berkhidmat dalam perkhidmatan Angkatan Tentara Malaysia bisa dan mampu melaksanakan tuntutan fiqh ibadah dan fiqh muamalah dengan betul dan sempurna. Perlakuan, perbuatan atau amalan menyimpang dari ajaran agama adalah tidak dibolehkan dalam Angkatan Tentara Malaysia, oleh karena itu selama seseorang anggota itu mengabdikan dengan perkhidmatan tentara mereka diwajibkan.

- Memiliki fikiran ke-Islaman yang matang dan mantap serta bersih dari sebarang unsur-unsur negatif yang terpelihara dari terpengaruh dengan aliran-aliran pemikiran salah yang menyimpang dari ajaran Islam yang sebenarnya.
- Menerima pendidikan-pendidikan dasar ke-Islaman yang merangkumi perkara-perkara berikut:
 - (1) Pendidikan dasar fiqih ibadah.
 - (2) Pendidikan dasar fiqih muamalah.
 - (3) Pendidikan jihad.
 - (4) Pendidikan kekeluargaan.
 - (5) Pendidikan akhlak.
 - (6) Pendidikan kepemimpinan.
 - (7) Pendidikan al-Qur'an dan Sunnah.
 - (8) Pendidikan ibadah.
 - (9) Pendidikan peradaban Islam.
 - (10) Tasawwur Islam.

Semua pusat latihan, formasi, dan pasukan hendaklah wajib menyediakan masa tidak kurang dari 857 jam setahun untuk membolehkan anggota-anggota di bawah pemerintahan mereka mendapat pendidikan Islam seperti yang telah ditetapkan. Dalam aspek ketahanan kerohanian pula, semua anggota Tentara Malaysia yang beragama Islam, di sepanjang perkhidmatan akan diberikan latihan dan pendidikan agar menjadi Tentara yang mempunyai ciri-ciri muslim, mukmin dan muhsin (PMAT 9/91).

**Jadual 1: Perintah Majlis Angkatan Tentara Bil. 9 TAHUN 1991
Peruntukan Masa Untuk Pelaksanaan Dasar
Pembinaan Kerohanian Islam**

BIL	AKTIVITAS	KEKERAPAN	JUMLAH JAM
1.	Aktivitas tetap malam Jumaat	1 jam x 52 minggu	52 jam
2	Khutbah Jumaat	1 jam x 52 minggu	52 jam
3	Khutbah Dua Hari Raya dan Takbir	2 jam x 2 hari	4 jam
4	Ceramah hari kebesaran Islam	2 jam x 9 hari	18 jam
5	Khatam Al-Quran	2 jam x 1 hari	2 jam
6	Sembahyang berjemaah	1 jam x 365 hari	365 jam

7	Khemah ibadat	3 jam x 2 hari	6 jam
8	Qiamulail	12 jam x 1 kali	12 jam
9	Tarawikh bulan Ramadhan	1 jam x 30 kali	30 jam
10	<i>Tahlil Harijadi</i>	2 jam x 2 minggu	4 jam
	a. Harijadi ATM		
	b. Harijadi pasukan		
11	Kelas-kelas pengajian di surau / masjid selepas Maghrib	3 jam x 52 minggu	156 jam
12	Kelas pengajian tambahan (formal- diatur oleh pasukan)	2 jam x 52 minggu	104 jam
13	Bacaan risalah-risalah agama	1 jam x 52 minggu	52 jam
14	JUMLAH BESAR		857 JAM

Sumber: Burhanuddin Jalal (2011)

Pembinaan Dan Pelaksanaan Kajian ‘Pendidikan Fiqih Ibadah’ Dalam Angkatan Tentara Malaysia

Pendidikan Islam secara bahasa adalah *tarbiyah Islamiyah*. Sedangkan dari segi istilah ialah suatu usaha yang dilakukan untuk mengenal, memahami, menghayati hingga mengimani sehingga melahirkan seorang yang bertaqwa dan berakhlak mulia dalam mengamalkan ajaran agama Islam berdasarkan sumber utamanya kitab suci al-Quran dan hadis. Kegiatan ini diusahakan melalui kegiatan bimbingan, pengajaran, latihan, serta penggunaan pengalaman (Zuhairini 1995). Menurut Mohd Kamal Hassan (1987) mendefinisikan pendidikan Islam sebagai latihan *aqliyyah*, *jasmaniyyah* dan *ruhiyyah* bertujuan untuk melahirkan manusia; lelaki dan wanita. Selain itu menurut Abdul Hafiz dan Ahmad Munawar (2012) pendidikan Islam mampu memperbaiki kehidupan manusia dan mewujudkan keseimbangan peribadi seseorang insan. Islam mempunyai ciri- ciri keimanan, akhlak dan ilmu. Sekiranya ciri-ciri ini tidak ada, maka sistem pendidikan tidak membawa erti yang sebenar, karena ciri-ciri tersebut merupakan asas untuk mendapatkan kejayaan dan kemenangan dalam kehidupan.

Menurut Burhanuddin Jalal (2011), tujuan pendidikan Islam dalam Angkatan Tentara Malaysia ialah membangunkan pemikiran anggota Angkatan Tentara Malaysia serta mengatur kelakuan dan kecenderungannya dalam kehidupan individu dan bermasyarakat melalui dasar-dasar Islam. Sedangkan menurut M. Arifin (2003) tujuan pendidikan Islam adalah perubahan yang diharapkan melalui proses pendidikan yang dilaksanakan supaya individu yang

mendapat pendidikan itu terpengaruh dengan menjadi seorang individu yang mempunyai tingkah laku yang baik, kehidupan pribadi yang baik begitu juga kehidupan bermasyarakat. Pendidikan Islam tidak lain adalah untuk penyempurnaan akal dan jasmani.

ATM sebagai sebuah organisasi penting yang diibaratkan sebagai tulang belakang negara. Sebagai agensi keselamatan yang bertanggungjawab mempertahankan negara dari sebarang pencerobohan, persiapan yang sewajarnya dari segi persenjataan dan sumber tenaga manusia perlu dilakukan dengan begitu teliti. Sumber tenaga yang benar-benar terlatih amat diperlukan meliputi aspek fizikal dan mental.

KAGAT menjadi salah satu agensi yang bertanggungjawab melatih emosi, mental dan spiritual anggota Tentara. Pembangunan PIFA merupakan satu langkah terkehadapan sebagai wadah kepada pembangunan pendidikan Islam yang dengan kata lain PIFA sebagai pembangunan *spritual combat power* di kalangan anggota ATM.

Pengaruh Pendidikan Fiqih Ibadah Terhadap Spiritual ATM

Tidak dinafikan bahawa pendidikan merupakan salah satu sarana yang kuat dalam membentuk, mempengaruhi dan merubah shakhsiyah ataupun pemikiran seseorang (Razzaq, 2002). Pendidikan Islam amat menekankan kepada penanaman aqidah dan rohani. Ini kerana, aqidah merupakan pondasi Islam yang utama. Kepentingan aqidah dalam Islam dapat dilihat melalui nas-nas al-Quran dan hadis yang banyak mengaitkan pembentukan akhlak dengan aqidah atau iman. Misalnya, ‘Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya’ (Imam Ahmad, Juz 3, no. 7406) dan ‘Tidak sempurna iman seseorang itu sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri’ (Sahih Bukhari, Jilid 1, Bil. 10). Dalam hal ini Tunku Sarah Tunku Mohd Jiwa menyebutkan sebagaimana dijelaskan oleh Asmawati Suhid (2005), penerapan nilai akhlak bermula daripada intipati tauhid kepada Allah SWT demi melahirkan insan soleh dan berakhlak. Begitu juga, menurut Mohd. Kamal Hassan (1987) kuat atau lemahnya iman seseorang dapat diukur dan diketahui daripada perilaku akhlaknya. Iman yang kuat akan mewujudkan akhlak yang baik.

Justeru pelaksanaan PIFA sudah semestinya akan meningkatkan lagi kekuatan rohani dan spiritual anggota Tentara. Ini dapat dilihat dari segi bilangan anggota Tentara yang mengikuti kelas pengajian pendidikan Islam akan bertambah ekoran dari syarat wajib bagi kenaikan pangkat untuk setiap anggota. Jika sebelum ini anggota Tentara hanya perlu mengikuti aktiviti agama sebanyak 867 jam setahun berdasarkan kepada arahan PMAT 9/91 iaitu Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam Dalam Angkatan Tentara Malaysia tetapi dari tekanan untuk mengikuti pengajian tersebut agak kurang.

Pelaksanaan kursus PIFA ini sebagai salah satu cara atau sebagai paksaan kepada anggota Tentara untuk mengikuti dan mempelajari ilmu fardu ain yang menjadi benteng kepada kekuatan dalaman seseorang. Ini dapat dilihat pertambahan bilangan anggota Tentara yang mengikuti kelas pendidikan Islam dengan begitu mendadak sekali.

Kenyataan ini berdasarkan kepada laporan yang dikeluarkan pejabat Agama TUDM sehingga Mac 2014 seramai 761 anggota telah mengikuti kursus PIFA. Begitu juga laporan dari pejabat Agama TLDM menunjukkan seramai 585 anggota telah berjaya mengikuti dan lulus kursus PIFA. Data dari Pejabat Agama Markas 1 Divisyen pada Julai 2014M di mana anggota Tentara yang mengikuti kursus PIFA adalah seramai 640 orang dalam masa 3 bulan (Zulkifli Mustafa, 2016).

Penutup

Kursus Pendidikan Islam Fardu Ain merupakan sesuatu yang sangat penting kepada anggota Tentara. Melalui penghayatan dan pengamalan ilmu yang diperoleh dari pendidikan yang diberikan ianya mampu menjadi benteng kepada anggota Tentara dalam mengharungi cabaran hidup yang mendatang. Dalam melaksanakan kursus PIFA ini sudah semestinya terdapat beberapa kelemahan antaranya jumlah bilangan kehadiran bagi setiap kursus yang dianjurkan. Keadaan ini disebabkan penugasan anggota di pasukan yang sentiasa terlibat dengan tugas operasi, latihan dan sebagainya. Walau bagaimanapun dari segi manfaatnya kepada anggota Tentara dan ATM sendiri tidak dapat dinafikan lagi dalam meningkatkan pembangunan modal insan ATM yang cukup bernilai kepada organisasi dan perkhidmatan.

Daftar Pustaka

- Arifin. M. (2003). *Ilmu Pendidikan Islam*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Awang, Abd Rahim. (1997). Cita-cita dan harapan KAGAT: Penekanan kepada pembinaan Tentara seutuhnya menurut Islam. Dlm. *KAGAT Wadah dan Profesionalisma: Kor Agama Angkatan Tentara*, Kuala Lumpur.
- Arahan Pentadbiran Kor Agama Angkatan Tentara No. 5 (1990). *Sukatan Pendidikan Islam Angkatan Tentara Malaysia*. Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentara. KP/BPSM/KAGAT/A/5034 [30 April 1990].
- Asmawati Suhid .(2007). pengajaran adab dan akhlak Islam dan pembangunan modal insan. *Jurnal Pusat Pengajian Umum* 8: 167-178.
- Burhanudin Jalal. (2011). Penghayatan Islam dalam kalangan anggota ATM. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kor Agama Angkatan Tentara.(2008). *Rancangan Pengurusan Kursus (RPK) Pendidikan Islam Fardu Ain Tahap 1*. Kuala Lumpur: Markas Angkatan Tentara. Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentara.
- Hasan, Mohd. Kamal. (1987). Peranan akhlak dalam pendidikan. *Jurnal Pendidikan Islam* 8: 3.
- Mustaffa, Zulkifli. (2016). Pelaksanaan Program Fardu Ain dalam ATM. Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Musman, Nadzri *et al.* (2005). *Di Persada Kegemilangan*. Kuala Lumpur: Kor Agama Angkatan Tentara, Kementerian Pertahanan Malaysia.
- Perintah Majlis Angkatan Tentara, Bilangan 9 .(1991). *Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam Dalam Angkatan Tentara Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan Malaysia. 20 Mei.
- Razzaq, Abdur (2002). Metodologi Dakwah Hasan al-Banna dan Mohammad Natsir: Suatu Kajian Perbandingan. Tesis. Fakulti Pengajian Islam.UKM. Bangi.
- Sarifudin, Amir. (2009). ATM Menggalas Amanah Rakyat. *Utusan Malaysia*,16 September.
- Suhid, Asmawati. (2005). Pemantapan komponen akhlak dalam pendidikan Islam bagi menangani era globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan* 6: 95-103.

Tuah, Abdul Hafiz Mat; Munawar, Ahmad. (2012). Memperkasakan jati diri Melayu-Muslim melalui pendidikan Islam dalam pengajaran akhlak. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012): 23-35.

Zainal, Abdul Aziz. (2008). *Marksman In The 21st Century*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan Malaysia, Pejabat Panglima Angkatan Tentara.

Zuhairini. (1995). *Filsafat Pendidikan Islam*. Jakarta: Bumi Aksara.